

**Kenyataan Media**  
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**PENUTUPAN FASILITI DAN PREMIS**  
**DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan / 28 Zulhijjah 1442 bersamaan 08 Ogos 2021** -Berikutan dengan perkembangan terkini situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan selaras dengan saranan Kementerian Kesihatan melalui sidang media pada Hari Sabtu, 27 Zulhijjah 1442 bersamaan 07 Ogos 2021, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan sementara fasiliti-fasiliti dan premis seperti berikut:-

1. Pusat-Pusat Sukan Tertutup (Gym, *Fitness Centre*, Kolam Renang dan Pusat-Pusat Boling);
2. Pusat-Pusat Sukan Luar termasuk *outdoor playground*;
3. Padang Golf;
4. Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE);
5. Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan;
6. Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya (termasuk Pusat-Pusat Bahagia di keempat-empat Daerah);
7. Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak, dan;
8. Kaunter-kaunter perkhidmatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya:

	<b>KAUNTER DITUTUP SEMENTARA</b>	<b>NO TALIAN DIHUBUNGI</b>
A	<b>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN</b>	
	Kaunter Unit Kewangan, Tingkat 1, KKBS	2382911 ext 1153
B	<b>JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT</b>	
	Kaunter Permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB)	2382911 ext 1249
	Kaunter Permohonan Pencen Umur Tua, Pencen Orang Buta, Pencen Hilang Upaya, Elaun Bercelaru Mental, Elaun Kusta dan Elaun Kurang Upaya	Talian Kebajikan 141
	Kaunter Pendaftaran Anak Yatim	2382911 ext 1336
	Kaunter Pendaftaran Pusat Penjagaan Kanak-Kanak	
	Kaunter Perkhidmatan Pentadbiran dan Kewangan	2382911
	Bagi kaunter perkhidmatan yang dinyatakan di atas dan dokumen berkaitan dihantar dan dimasukkan ke dalam peti khusus di Ruang Legar Tingkat 1, KKBS dan semua cawangan JAPEM di daerah-daerah	
C	<b>JABATAN BELIA DAN SUKAN</b>	
	Kaunter Unit Hasil, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	2381903 ext 1435
D	<b>DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA</b>	
	Unit Kewangan	2382511 ext 113/115/117
	Unit Perlaksanaan Bahasa dan Unit Jawi	2382511 ext 116/126/127
	Unit Terjemahan	2382511 ext 130/131/133/134
	Bahagian Perancangan Buku	2382511 ext 187
	Semua perpustakaan dan perkhidmatan kaunter (perkhidmatan dalam talian berjalan seperti biasa)	2235501 ext 121
E	<b>JABATAN MUZIUM-MUZIUM</b>	
	Kaunter Perkhidmatan Akses dan Rujukan Arkib Negara	2381672
	Kaunter Penerimaan Fail Arkib Negara	
	Kaunter Perkhidmatan dan Akses Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzim	2381672 ext 100

F	<b>PUSAT SEJARAH BRUNEI</b>	
	Kaunter Unit Kewangan	2240166 ext 307
	Kaunter Rujukan Perpustakaan	2240166 ext 240
	Kaunter Rujukan Pusat Pengkajian Borneo	2339303 / 4
G	<b>BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA, KKBS</b>	
	Kaunter Perkhidmatan Program Khidmat Bakti Negara	5222017

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan kepada orang ramai serta penganjur-penganjur bagi acara-acara kebudayaan, kemasyarakatan, kebelaian dan kesukanan adalah tidak dibenarkan dan untuk ditangguhkan buat sementara waktu.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan penutupan ini berkuatkuasa mulai **27 Zulhijjah 1442 bersamaan 07 Ogos 2021 (selepas pengumuman sidang media COVID-19) sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi **Pusat Gerakan COVID-19** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di talian **2382130** pada waktu bekerja.

Sekian disampaikan dan kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan sentiasa memberikan kita kerahmatan, kekuatan serta nikmat kesihatan yang berpanjangan. Aamiin Yaa Rabbal Alaamiin.

Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**  
**Negara Brunei Darussalam**  
**Tel: 2382130**  
**E-mel: Covid19@kkbs.gov.bn**  
**Laman Sesawang: [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)**  
**Instagram: @kkbs\_brunei**  
**Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**